

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Fasa 4 naik taraf jalan balak di sekitar Parlimen Lubok Antu dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek Menaiktaraf Bekas Jalan-Jalan Balak di Negeri Sarawak Fasa 4 (Bahagian Sri Aman) telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Pertama, Tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM12.40 juta. Skop kerja bagi projek ini adalah menaiktaraf bekas jalan balak sepanjang 27km di jajaran Sebeliau/Uyau. Status semasa bagi projek ini adalah di dalam peringkat rekabentuk terperinci dan dijangka tender pada bulan Februari 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT**

PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan untuk berhadapan dengan varian Delta yang lebih pantas menular memandangkan kemudahan sistem kesihatan sedia ada hampir runtuh dengan peningkatan mendadak kes COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rancangan KKM untuk berhadapan dengan varian Delta yang lebih pantas menular adalah dengan memperkukuh dan meningkatkan tindakan kesihatan awam iaitu:

1. Program Vaksinasi

- (i) Vaksin COVID-19 adalah salah satu tindakan kesihatan awam yang berkesan bagi melandai kadar jangkitan COVID-19 pada masa sekarang. Akan tetapi untuk selamat dan mendapat liputan menyeluruh, dua (dos) vaksin adalah diperlukan. Walau bagaimanapun, individu lengkap dua dos bukanlah tidak akan dijangkiti langsung, namun cuma 88 peratus daripadanya tidak mempunyai simptom dan 96 peratus tidak memerlukan kemasukan ke hospital. Oleh itu, langkah ini sekali gus akan dapat mengurangkan kapasiti hospital yang kini berada dalam keadaan genting berikutan jumlah kes yang tinggi terutama di Unit Rawatan Rapi (ICU).

- (ii) Strategi pemberian vaksin juga disegerakan khususnya di kawasan yang mempunyai jumlah kepadatan penduduk yang tinggi bagi membendung penularan virus selain dapat mengelak pembentukan varian baharu. Sehingga 28 Ogos 2021, sebanyak 14.3 juta orang atau 43.8 peratus penduduk di negara ini sudah menerima dua dos lengkap vaksin COVID-19 sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) dilancarkan bermula Februari lepas.

2. Pematuhan prosedur standard operasi (SOP)

Rakyat Malaysia sentiasa diingatkan untuk mematuhi (SOP) walau di mana pun mereka berada. Mereka perlu memainkan peranan penting

dalam mengurangkan jangkitan COVID-19 terhadap varian baharu yang bersifat mudah merebak. Oleh itu, KKM sentiasa menasihati orang ramai untuk mengelakkan perkumpulan beramai-ramai di mana penjarakkan sukar untuk diamalkan serta sentiasa memakai pelitup muka yang betul seperti disarankan.

3. Saringan

Orang ramai yang bergejala juga disarankan untuk menjalani ujian swab samada secara sendiri atau di fasiliti kesihatan bagi membuat pengesanan awal supaya tindakan kawalan dan pencegahan dapat dilakukan segera bagi mengelak berlakunya kejadian wabak di kawasan tersebut.

4. Analisa Penjujukan Genom

- (i) Melaksanakan analisis turutan jujukan genom penuh virus SARS-CoV-2 (COVID-19) dengan memberi fokus kepada pemantauan terhadap semua jenis mutasi gen terutama pada anjakan protein yang memainkan peranan penting dalam proses pengecaman reseptor dan proses membran sel (*receptor recognition and cell membrane fusion process*). Sehingga 26 Ogos 2021, jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai *variant of concern* (VOC) dan *variant of interest* (VOI) adalah sebanyak **956 kes**. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, 936 kes adalah VOC manakala 20 kes adalah VOI. Sehingga kini bagi VOC, secara keseluruhannya terdapat sebanyak 713 kes varian Delta, 209 kes varian Beta dan 14 kes varian Alpha manakala bagi VOI terdapat 13 kes varian Theta, empat (4) kes varian Kappa, dan tiga (3) kes varian Eta. Perkembangan ini adalah sejajar dengan situasi di negara lain di mana VOC seperti varian Delta mempunyai kadar kebolehhajangan yang lebih tinggi.

SOALAN NO : 69

- (ii) Meningkatkan kapasitas penjujukan genom, di mana satu konsortium yang melibatkan tiga (3) Kementerian iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pengajian Tinggi (KKM-MOSTI-KPT) telah ditubuhkan. Konsortium ini yang melibatkan beberapa institusi dan universiti telah menerima peruntukan sebanyak RM3 juta untuk menjalankan penjujukan genom SARS-CoV-2 sebanyak 3,000 sampel dalam masa 3 bulan bermula Ogos 2021 supaya bilangan sampel yang dijalankan penjujukan genom melebihi 1% daripada semua kes positif. Sebagai perbandingan, kapasiti penjujukan genom di beberapa negara ASEAN adalah seperti berikut - Singapura (6.0%), Thailand (0.43%), Vietnam (0.31%), Indonesia (0.11%) dan Cambodia (0.82%). Antara kriteria yang digunakan untuk pemilihan sampel termasuk sampel yang mempunyai nilai kitaran ambang (*cycle threshold value*) kurang daripada 25, sampel daripada kluster positifiti tinggi, kes kematian/BID atau kes ICU.

Sekian, terima kasih.